

08 SEP 2001

Rais-Islam

TAK TIMBUL SOAL PM ISYTIHAR MALAYSIA NEGARA ISLAM, KATA RAIS

JELEBU, 8 Sept (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata tidak timbul soal bagi kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, seperti yang dicabar oleh PAS.

Ini kerana isu negara Islam telah ditimbulkan oleh PAS, bukan ditimbulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan media mengenai cabaran Presiden PAS Datuk Fadzil Noor supaya Dr Mahathir mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

"Tanggungjawab adalah kepada PAS manakala kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri tidak perlu buat apa-apa komen atau lanjutan ke atas perkara yang digertak oleh PAS itu," kata Rais kepada pemberita selepas menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan di Kuala Klawang hari ini.

Sebanyak 39 kontinjen daripada pelbagai badan beruniform dan persatuan menyertai perarakan itu.

"Isu ini terbit apabila PAS dengan taksubnya menggunakan konsep negara Islam dalam penentuan masa depannya, semata-mata berpunca daripada angkara politik PAS dan bukan yang diterbitkan oleh Perdana Menteri," katanya.

Rais berkata Perkara 3 dan 11 dalam Perlembagaan persekutuan telah cukup jelas memperkatakan hal berkenaan, malah Islam telah terpelihara sebagai agama rasminya.

Ketika ditanya mengenai cadangan sesetengah pihak supaya dihapuskan pilihan raya kampus, Rais berkata dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, pelajar dibenarkan memilih pemimpin mereka sendiri.

"Tetapi terserahlah kepada budibicara dan jawatankuasa disiplin di bawah perkara-perkara yang berkaitan dengan akta tersebut, dan kepada naib canselor universiti berkenaan," katanya.

"Bagaimanapun Menteri Pendidikan adalah kuasa mutakhir dalam soal tersebut... sekiranya menteri mengarahkan demikian (menghapuskan pilihan raya kampus) memang boleh," katanya.

Semalam sekumpulan pemikir dari Universiti Kebangsaan Malaysia menyeru supaya dihapuskan pilihan raya kampus di semua institusi pengajian tinggi awam bagi mengurangkan pengaruh politik kepartian khususnya kepada pelajar Melayu.

Mereka mencadangkan agar kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar dipilih berdasarkan kualiti pelajar.

-- BERNAMA

SLR NMO